

TARIKH : 4 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

Kenaikan harga minyak dunia, positif kepada ekonomi negara

Kenaikan harga minyak dunia, positif kepada ekonomi negara

Kenaikan harga bahan api global mampu meningkatkan pendapatan kerajaan

SHAH ALAM

Walaupun Malaysia bukan salah satu negara pengeluar dan pengeksport utama minyak mentah dunia, namun kenaikan harga minyak baru-baru ini mampu memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Ini kerana ia dapat meningkatkan pendapatan negara sekali gus memperkuatkan kedudukan fiskal Malaysia dan kerajaan mampu untuk membayari projek pembangunan jangka masa panjang mahupun program subsidi jangka masa pendek, jika

harga minyak terus meningkat.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanim Zam Abdul Rashid, berkata, perkembangan itu memungkinkan kerajaan untuk terus melaksanakan dasar fiskal yang mengembang (*expansionary fiscal policy*) yang seharusnya dapat membantu dalam merancakkan kegiatan ekonomi Malaysia.

"Dari segi pengguna pula, kerajaan masih mengekalkan subsidi minyak atau bahan bakar. Oleh itu, kesan kenaikan minyak mentah dunia kepada rakyat Malaysia dijangka masih terkawal."

"Sementara itu kenaikan harga minyak mentah dunia dilihat akan meningkatkan perbelanjaan modal dalam kalangan 'Oil Majors' ini juga bakal memberi



AFZANIZAM RASHID

limpahan positif kepada pemain-pemain sektor minyak dan gas yang terlibat dalam pelbagai peringkat dalam industri minyak dan gas seperti diperingkat huluhan sehingga hilir," katanya kepada *Sinar Harian*.

Namun, kenaikan minyak mentah dunia bakal menyumbang kepada kenaikan inflasi yang mana bank-bank pusat utama dunia seperti Rizab Persekutuan AS yg dilihat bakal menaikkan kadar faedah pada Mac nanti akan menyebabkan suasana ketidakpastian dalam pasaran modal dunia.

Pada Jumaat lalu, harga minyak meningkat menghampiri paras tertinggi tujuh tahun lalu sekitar AS\$92 setong.

Minyak mentah Brent naik AS\$1.07 (RM4.47) atau 1.9 peratus kepada AS\$91.10




FOTO-BERNAMA

Minyak mentah Brent mencécah paras AS\$90 setong akibat konflik di Ukraine.

(RM380.84) setong selepas melonjak 69 sen.

Bekalan global yang ketat dan ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah telah meningkatkan harga minyak sebanyak kira-kira 15 peratus setakat tahun ini.

"Faktor risiko geopolitik terutamanya konflik yang berlaku di Ukraine yang melibatkan kuasa-

kuasa besar seperti Rusia, rantau Eropah dan AS telah melonjakkan harga minyak dunia disebabkan rantau itu mempunai kedudukan yang strategik dari segi pengeluaran minyak dan gas.

"Dan seterusnya faktor pemulihran ekonomi global yang mana ia boleh menterjemahkan permintaan terhadap minyak mentah yang tinggi," katanya.